



سوروهنجاي فرخيدماتن عوام، نكري فيراق دارالرضوان ..  
ثغروسي،

PENGERUSI,  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN,  
PARAS SATU, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK.

Telefon:

2544334

Pej: 2540615 (AM)

(4)

Ruj. Kami : Bil.(1) Dlm.SPA.Pk.358A/790/101

Tarikh : 19 Jun 2017

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**

YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/ Puan,

**SYARAT-SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan, Peraturan 27, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Perak (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2013 memperuntukkan bahawa pegawai dalam percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang boleh ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dari semasa ke semasa, adalah layak bagi pengesahan dalam perkhidmatannya.

3. Sehubungan itu, Suruhanjaya dalam Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak Bil 8/2017 bertarikh 14 Jun 2017 telah membuat ketetapan bahawa syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang pegawai diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan adalah seperti berikut:

- i. Menjalani tempoh percubaan dengan jayanya sama ada tempoh percubaan asal atau yang dilanjutkan;
- ii. Menghadiri dengan jayanya Program Transformasi Minda;
- iii. Lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (sekiranya berkaitan);
- iv. Mencapai Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80 peratus; dan
- v. Mengemukakan Laporan Tatatertib (sekiranya ada);
- vi. Mendapat perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan daripada Ketua Jabatan; dan
- vii. Melengkapkan borang opsyen bagi skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Jadual Kelima Pk.P.U.11/2013.

4. Kerjasama YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan sebagai Ketua Jabatan amat diharapkan untuk memastikan hanya pegawai yang telah menjalankan tugasnya dengan jujur, tekun dan berkebolehan, mempunyai sifat peribadi dan kelakuan yang baik serta telah memenuhi syarat pengesahan seperti di para (3) diperakukan ke Suruhanjaya untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan agar pegawai yang sesuai dan berprestasi tinggi sahaja dikekalkan dalam perkhidmatan awam Negeri Perak.

5. Kerjasama YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan juga dipohon untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya perakuan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Pk.P.U.11/2013 bagi pengesahan seseorang pegawai di bawah kawalan YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan dalam tempoh satu bulan dari tarikh pegawai itu didapati layak bagi pengesahan.

6. Jika Ketua Jabatan gagal mengemukakan perakuan bagi pengesahan seseorang pegawai seperti di para (5), pegawai itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk disahkan dan satu salinan permohonan itu hendaklah dihantar kepada Ketua Jabatan.

Perhatian dan kerjasama YB Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai dalam memastikan urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan pegawai berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' JAMRY BIN HJ. SURY)**

Pengerusi,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,  
Perak Darul Ridzuan

- s.k .
- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
  - ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
  - iii. Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak